

10 JUN 1998

Abu Hassan-Exco

ABU HASSAN ROMBAK PORTFOLIO EXCO NEGERI SELANGOR

SHAH ALAM, 10 Jun (Bernama) -- Menteri Besar Selangor, Datuk Abu Hassan Omar hari ini mengumumkan rombakan portfolio Anggota Majlis Mesyuarat (Exco) Kerajaan Negeri Selangor berkuatkuasa hari ini.

Beliau berkata rombakan portfolio itu dibuat kerana ada anggota Exco yang terikat dengan terlalu banyak tugas dan juga untuk memberikan pengalaman baru kepada barisan Exconya.

"Senarai portfolio baru bagi Exco-exco ini telah saya kemukakan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan saya sudah mendapat persetujuannya," katanya dalam sidang berita selepas mempengerusikan majlis mesyuarat Kerajaan Negeri di bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di sini, hari ini.

Ekoran rombakan itu Datuk Zainal Dahlan, yang sebelum ini merupakan pengerusi jawatankuasa tetap Pembangunan Luar Bandar dan Pembangunan Usahawan, kini merupakan pengerusi jawatankuasa tetap Belia dan Sukan serta Pembangunan Luar Bandar, sementara Datuk Tang See Hang (Kemajuan Perkampungan, Perdagangan Dalam negeri dan Hal Ehwal Pengguna) kini pengerusi jawatankuasa tetap Penyelidikan dan Pembangunan serta Kemajuan Perkampungan.

Datuk Dr Zainal Abidin Ahmad (Pendidikan, Pembangunan Kemanusiaan dan Perjawatan) kini pengerusi jawatankuasa tetap Pembangunan Usahawan, Pendidikan dan Pembangunan Kemanusiaan sementara Datin Paduka Rakibah Abdul Manap (Infrastruktur, Hal Ehwal Wanita) pula kini pengerusi jawatankuasa tetap Setinggan dan Hal Ehwal Wanita.

Encik (Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Belia dan Sukan) kini pengerusi jawatankuasa tetap Perpaduan dan Pembangunan Masyarakat, Sains Teknologi dan Alam Sekitar, manakala Datuk Abdul Fatah Iskandar (Pertanian, Perikanan, Penyelidikan dan Pembangunan) kini pengerusi jawatankuasa tetap Penerangan, Pertanian dan Perikanan.

Sementara K. Sivalingam (Perumahan Pekerja-pekerja Ladang dan Lombong, Perpaduan dan Pembangunan Masyarakat) kini pengerusi jawatankuasa tetap Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Pekerja-pekerja Ladang dan Lombong, dan Datuk Sharif Jajang (Perindustrian dan Pelaburan, Penerangan, Teknologi Maklumat) kini pengerusi jawatankuasa tetap Perindustrian, Pelaburan, Kerajaan Tempatan dan Perbandaran.

Datuk Fuad Hassan (Setinggan, Kerajaan Tempatan dan Perbandaran) kini pengerusi jawatankuasa tetap Infrastruktur dan Teknologi Maklumat, manakala jawatan Dr Pius Martin sebagai pengerusi jawatankuasa tetap Kesihatan, Kebudayaan dan Pelancongan dikekalkan.

Abu Hassan berkata portfolionya juga tidak berubah dengan beliau masih memegang jawatan pengerusi jawatankuasa tetap Hal Ehwal Agama Islam, Kewangan dan Belanjawan, Perancangan, Penswastaan, Tanah dan Perumahan.

Beliau berkata, oleh kerana masalah kesihatan, Rakibah kini sedang bercuti selama tiga bulan bermula pada 5 Jun dan jawatannya sebagai pengerusi jawatankuasa tetap setinggan akan dipangku oleh Fuad manakala jawatankuasa tetap Hal Ehwal Wanita dipangku oleh Ch'ng.

Beliau seterusnya menolak dakwaan bahawa rombakan itu dibuat kerana beliau tidak berpuas hati dengan prestasi barisan exconya.

"Kalau saya tidak puas hati, saya gugurkan saja mereka dari senarai exco," katanya. -- BERNAMA

AZH PR